



**LAPORAN KENAMPAKAN HILAL ZULHIJJAH 1425 HIJRI  
PADA 29 ZULQA'DAH 1425/10 JANUARI 2005**

---

1- Pada 10 Januari 2005 bersamaan 29 Zulqa'dah 1425 telah diadakan Majlis Cerapan Rasmi Hilal Zulhijjah bagi menetapkan 10 Zulhijjah (Hari Raya Qurban) di 3 lokasi cerapan di Negeri Selangor iaitu :-

- i- Bukit Malawati, Kuala Selangor
- ii- Pulau Angsa, Kuala Selangor
- iii- Bukit Jugra, Kuala Langat

2- Berdasarkan kepada data rukyah dan maklumat cerapan daripada ketiga-tiga lokasi cerapan hilal di Negeri Selangor, pada hari rukyah iaitu 29 Zulhijjah 1425 Hijri bersamaan 10 Januari 2005 Miladi, hilal belum wujud lagi kerana ijtimak masih belum berlaku dan tidak menepati justifikasi Imkannur Rukyah yang telah ditetapkan iaitu:-

( a ) Ketika matahari terbenam:-


- i- Ketinggian (altitud) bulan tidak kurang daripada  $2^{\circ}$

***DAN***

- ii- Jarak lengkung matahari ke bulan tidak kurang daripada  $3^{\circ}$

**ATAU**

( b ) Ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang daripada 8 jam



*Gambar menunjukkan justifikasi Imkannur Rukyah (kebolehnampakkan) hilal yang digunakan bagi menentukan awal bulan hijri.*

- 3- Dalam menjalankan aktiviti cerapan hilal, terdapat empat (4) keadaan berbeza yang boleh berlaku pada hari rukyah iaitu:-
- (a) Hilal belum wujud lagi kerana ijtima' masih belum berlaku.
  - (b) Hilal masih belum wujud lagi, walaupun ijtimak telah berlaku.  
(tempoh masa yang singkat antara ijtimak dan terbenam matahari)
  - (c) Hilal telah berada di atas ufuk, tetapi sifat fizikalnya masih belum matang dan tidak mencapai syarat kenampakan hilal menurut Imkannur Rukyah.
  - (d) Hilal telah berada di atas ufuk dan menepati justifikasi Imkannur Rukyah.

- 4- Ketika hari rukyah pada 10 Januari 2005, dengan merujuk kepada situasi di atas, perkara 3 (a) adalah berkaitan iaitu hilal belum wujud lagi kerana ijtimak masih belum berlaku.
- 5- Antara faktor-faktor yang menyebabkan anak bulan tidak kelihatan ialah:-
  - i- Pada hari rukyah (29 Zulqa'dah 1425) hilal telah terbenam dahulu daripada matahari (hilal terbenam jam 19.16, matahari terbenam 19.22).
  - ii- ijtimak hanya berlaku pada 10 Januari 2005 jam 20.03 malam.
- 6- Kesimpulannya, berdasarkan maklumat di atas, pada hari berikutnya iaitu 11/01/2005 (Selasa) digenapkan menjadi 30 Zulqa'dah 1425 H, manakala 10 Zulhijjah 1425 H (Hari Raya Qurban) ditetapkan pada 21/01/2005 (Jumaat).

Laporan di sediakan oleh,

Rizal B. Ramli  
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam  
Bahagian Falak Syarie  
Jabatan Mufti Selangor